



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	23 November 2015

## PM terharu tonton klip video jasa Tun Razak

BH - 23/11/2015

**Kuala Lumpur:** Tayangan klip video pada Sidang Kemuncak bersempena ulang tahun ke-40 hubungan ASEAN-New Zealand di sini semalam, yang ber-kisar mengenai komitmen Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein terhadap ASEAN dan hubungannya dengan New Zealand, amat menyentuh perasaan Datuk Seri Najib Razak.

Persembahan lridip video hitam putih terbitan New Zealand itu menunjukkan Allahyarham Tun Abdul Razak, Perdana Menteri kedua Malaysia (1970-1976), menghadiri pelbagai mesyuarat berkaitan ASEAN dan New Zealand.


Najib menonton video itu de-

ngan penuh terharu sambil mengenang kembali sumbangan ayahanda beliau, sebelum menyampaikan ucapan pembukaan pada sidang kemuncak berkenaan yang turut dihadiri Perdana Menteri New Zealand, John Key.

### Kejayaan penting

"Saya ucap terima kasih kepada Perdana Menteri Key atas persembahan video ini, yang menunjukkan kejayaan penting dalam hubungan ASEAN-New Zealand," kata Najib pada permulaan ucapannya.

Beliau berkata hubungan rasmi antara ASEAN dengan New Zealand kini sudah mencapai usia empat dekad. **BERNAMA**



Najib bersama Key pada sidang kemuncak bersempena **ulang tahun ke-40 hubungan ASEAN-New Zealand** di Kuala Lumpur, semalam.  
[FOTO SYARAFIQ ABD SAMAD/BH]